

DALAM NEGERI

REAKSI

"SEBELUM ini cuma dapat tengok di televisyen, akhbar dan media sosial tentang kemeriahan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia 2018 tetapi tidak berpeluang untuk pergi."

NOR ALIZA RAFIAH MOHAMED
Peniaga online

"INI merupakan hari kedua saya bersama suami dan lima anak datang ke sini. Pelbagai aktiviti menarik disediakan dan semalam anak saya berpeluang menyertai pertandingan melukis manakala hari ini saya pula menyertai pertandingan memancing."

ROHANA MOHAMAD
Surirumah

"PADA mulanya saya cuma mahu menemankan isteri tetapi lama-kelamaan saya pula yang teruja sebab gerai-gerai pameran yang disediakan menarik misalnya ada berkaitan kesihatan, pelancongan dan produk pertanian."

SHAMSUL AIMAN WAN ALIAS
Penduduk



SHARIZAT ABDUL JALIL melakukan gimik perasmian Karnival Road To MAHA 2018 Zon Timur sambil diperhatikan Ahmad Shabery Cheek di Pantai Kuala Kerteh, semalam.



SHARIZAT ABDUL JALIL dan Ahmad Shabery Cheek bersama pengunjung yang hadir pada majlis perasmian Karnival Road To MAHA 2018 Zon Timur di Pantai Kuala Kerteh, semalam.

Tema karnival *Segalanya Wanita* buka era baharu terhadap golongan sasaran

MAHA: Penghormatan kepada wanita

Oleh ROSALINDA MD.SAID
pengarang@utusan.com.my

■ KEMAMAN 6 APRIL

PENGANJURAN Road To Maha 2018 Zon Timur di Pantai Kuala Kerteh, di sini dengan slogan *Segalanya Wanita* yang dirintis Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani membuka era baharu kepada penghormatan terhadap golongan sasaran.

Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil berkata, inisiatif bijak yang digerakkan kementerian itu dalam masa sama merealisasikan impian dan harapan kaum hawa, sekali gus merupakan penghormatan kepada mereka.

Katanya, langkah itu diibaratkan sebagai impian jadi kenyataan kerana wanita adalah kumpulan sasaran sektor pertanian dan usaha mengangakat pendapatan, kesejahteraan mereka dalam semua aspek di bidang ini adalah wajar.

"Pertanian merupakan sektor baharu yang menjana kekayaan pada negara, justeru, terima kasih tidak terhingga saya kepada pihak kementerian kerana memberi penghormatan kepada wanita.

"Kalau wanita dibawa di sisi kaum bapa dalam pembangunan pastinya mereka akan maju jaya dan inilah contoh kejayaan Barisan Nasional (BN) kerana parti ini tidak pernah sesekali mengetepikan wanita," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Road To MAHA 2018 Zon Timur di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek; Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar; Ketua UMNO Bahagian Kemaman merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kijal, Datuk Seri Ahmad Said; ADUN Kemasik, Ir. Rosli Othman dan ADUN Air Putih, Wan Abdul Hakim Wan Mokhtar.

Program Road To MAHA 2018 Zon Timur menjadi prebui ke arah satu lagi himpunan usahawan wanita terbesar negara yang bakal diadakan ketika Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA 2018) November ini.

Karnival selama tiga hari bermula semalam itu mengumpulkan seramai 500 usahawan wanita tempatan yang berpeluang menggunakan platform tersebut bagi mempromosikan hasil kerja dan produk-produk mereka ke pasaran lebih luas.

Penganjuran itu dilakukan dengan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK), Kementerian Kewangan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), Pejabat Daerah dan Pejabat Parlimen Kemaman.

Shahrizat yang juga Ketua Wanita UMNO memberitahu, pergerakan itu akan terus memperjuangkan kebajikan wanita di negara ini



SHARIZAT ABDUL JALIL dan Ahmad Shabery Cheek menghadiri majlis perasmian Road To MAHA 2018 Zon Timur dalam suasana santai diteduhi pohon-pohon rhu Pantai Kuala Kerteh, semalam.

supaya setiap wanita mempunyai dompet sendiri.

Sementara itu, Ahmad Shabery meminta sekurang-kurangnya RM250 juta daripada keseluruhan dana RM500 juta Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) diperuntukkan kepada

golongan wanita.

"Kementerian akan memberi keutamaan kepada pembangunan usahawan wanita sebagai satu usaha menjayakan tema *Segalanya Wanita*, dan lebih banyak lagi program akan dilaksanakan nanti," katanya.